

NO. SOALAN : 558

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan dan langkah yang telah dan akan dilakukan untuk memendekkan tempoh menunggu giliran menunaikan ibadat Haji. Setakat ini berapa ramai yang sedang menunggu giliran dan tempoh masing-masing menunggu.

JAWAPAN: (YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2014, pendeposit Lembaga Tabung Haji (*TH*) yang telah mendaftar dan sedang menunggu giliran untuk menunaikan fardhu haji adalah berjumlah 1.55 juta orang. Daripada jumlah tersebut, 86% adalah para pendeposit yang berumur di bawah 60 tahun.

Bagi seseorang pendeposit yang mendaftar pada tahun 2014 (1435H) untuk menunaikan haji, tempoh masa menunggu baginya adalah 63 tahun (dikira pada tahun hijrah) dan tahun gilirannya adalah pada tahun 2075 (1498H).

Bagi menangani masalah menunggu lama untuk menunaikan fardhu haji, langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:-

- i. pendaftaran semula bakal haji hanya boleh dilakukan selepas lima (5) tahun dari tarikh kali terakhir menunaikan fardhu haji;
- ii. tidak menawarkan tempat untuk menunaikan fardhu haji kepada kanak-kanak di bawah 15 tahun walaupun telah berdaftar;
- iii. pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada bakal-bakal haji yang berusia 75 tahun ke atas untuk ke tanah suci lebih awal dari giliran. Namun, keutamaan diberikan kepada bakal jemaah yang belum pernah menunaikan fardhu haji serta telah lulus pemeriksaan kesihatan; dan
- iv. bakal haji untuk kali kedua (sebagai mahram / pembantu / pengiring bakal haji terpilih), dikenakan bayaran penuh wang Belanja Haji tanpa ditanggung oleh **TH**.

Sekian, terima kasih.